

Anak panah menunjukkan arah tiupan angin dari Siberia ke Malaysia



Cuaca sejuk akibat tekanan tinggi di Siberia, Mongolia

KUALA LUMPUR - Fenomena cuaca sejuk yang melanda negara ketika ini adalah disebabkan berlakunya tiupan angin luluran sejuk ketika monsun timur laut akibat daripada pengukuhan sistem tekanan udara tinggi di Siberia dan Mongolia.

Profesor Klimatologi dan Oceanografi Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Fredolin Tangang berkata, angin sejuk dari negara terbabit akan merentasi Laut China Selatan dan mengangkut semua kelembapan udara sebelum

masuk ke Malaysia.

"Pengukuhan sistem tekanan tinggi di Siberia-Mongolia pada musim sejuk Hemisfera Utara adalah fenomena biasa dan keadaan ini menyebabkan angin luluran sejuk yang bertiup ke selatan.

"Tetapi terdapat keragaman angin, di mana pada tahun-tahun tertentu sahaja ia lebih kuat dan udara sejuk serta boleh meniup jauh ke bahagian selatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* *Ahad* di sini semalam.

Beliau mengulas laporan *Kosmo!* semalam mengenai Jabatan Meteorologi Malaysia mengesahkan beberapa kawasan di negara ini terutamanya selatan Semenanjung mengalami penurunan suhu dengan Kuala Pilah, Negeri Sembilan mencatat



FREDOLIN

suhu paling rendah iaitu 21 darjah Celsius.

Dalam pada itu, Fredolin tidak menolak kemungkinan besar cuaca sejuk yang melanda negara kita adalah

disebabkan fenomena Annular Moden Julian (AMO) dan La Nina.

"Fenomena AMO adalah sebahagian keragaman iklim dalam musim di kawasan tropika yang berayun dengan kekerapan 20 hingga 60 hari dan bergerak dari Lautan Hindi ke Lautan Pasifik merentasi kawasan Malaysia.

"La Nina pula kini sedang berlaku dalam keadaan rendah dan fenomena ini membolehkan tiupan angin dari Lautan Pasifik ke rantau ini lebih kuat dari biasa," jelasnya.